

# Olimpiad Linguistik Asia Pasifik Kelima

9 – 23 April 2023

Soalan

- Dengar dan ikut arahan pegawai pertandingan.
- Pertandingan ini berlangsung selama lima jam. Set soalan mengandungi tujuh halaman dan lima soalan. Anda boleh menyelesaikan soalan dengan sebarang cara.
- Anda tidak dibenarkan menggunakan sebarang peranti elektronik, bahan bertulis atau bercetak, atau sumber informasi luaran lain ketika pertandingan.
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan tentang soalan, angkat tangan anda dan tanyakan kepada pengawas pertandingan. Pengawas pertandingan akan merujuk kepada juri sebelum menjawab.
- Syarat untuk menulis jawapan:
  - Jangan ulang semula pernyataan dalam soalan.
  - Tuliskan jawapan kepada setiap soalan menggunakan helaian kertas berbeza.
  - Gunakan hanya muka hadapan kertas jawapan.
  - Pada setiap helaian kertas, tuliskan nama anda, nombor soalan, dan turutan halaman untuk soalan tersebut, contohnya:

Nama	...
Soalan #	5
Halaman #	1 / 3

Nama	...
Soalan #	5
Halaman #	2 / 3

Nama	...
Soalan #	5
Halaman #	3 / 3

bermaksud helaian pertama, kedua, dan ketiga, dari tiga helaian untuk soalan kelima.

Jika tidak, hasil kerja anda mungkin akan tersisih atau terpisah.

- Melainkan dinyatakan sebaliknya, anda perlulah menerangkan setiap atau peraturan yang anda kenalpasti dalam data. Jika tidak, jawapan anda tidak akan diberi markah penuh.

**Soalan-soalan pertandingan mestilah tidak dihebahkan sehingga soalan-soalan tersebut dipaparkan dalam laman rasmi APLO <https://aplo.asia>. Jangan hebahkan atau bincangkan soalan-soalan secara atas talian sehingga tarikh tersebut.**

**Soalan 1 (20 markah).** Berikut ialah beberapa bentuk kata kerja dalam bahasa Yimas dan terjemahan bahasa Malaysiannya:

- |                            |  |
|----------------------------|--|
| 1. <b>impakulat</b>        | <i>Mereka berdua telah berjalan.</i>                   |
| 2. <b>kapwapykiat</b>      | <i>Kamu berdua telah tidur.</i>                        |
| 3. <b>nayat</b>            | <i>Dia telah datang.</i>                               |
| 4. <b>kapayat</b>          | <i>Kami berdua telah datang.</i>                       |
| 5. <b>antpukularm</b>      | <i>Mereka berdua telah hampir berjalan.</i>            |
| 6. <b>tajkulkrarum</b>     | <i>Mereka semua belum memotong kamu berdua.</i>        |
| 7. <b>nakratut</b>         | <i>Dia telah membunuh kita semua.</i>                  |
| 8. <b>tajkrapaykiarm</b>   | <i>Kami berdua belum tidur.</i>                        |
| 9. <b>ipwawat</b>          | <i>Kamu semua telah pergi.</i>                         |
| 10. <b>antkaypaykiarum</b> | <i>Kami semua telah hampir tidur.</i>                  |
| 11. <b>antjkrankularm</b>  | <i>Kamu berdua telah hampir berjalan.</i>              |
| 12. <b>antnantut</b>       | <i>Kamu semua telah hampir membunuh dia.</i>           |
| 13. <b>takulwaykrm</b>     | <i>Mereka berdua belum membeli kamu semua.</i>         |
| 14. <b>tanankularum</b>    | <i>Kamu semua belum berjalan.</i>                      |
| 15. <b>najkrakrat</b>      | <i>Dia telah memotong kami berdua.</i>                 |
| 16. <b>antkaykrarm</b>     | <i>Kami semua telah hampir memotong mereka berdua.</i> |
| 17. <b>nananwaykt</b>      | <i>Kamu semua telah membeli dia.</i>                   |

(a) Salah satu ayat di atas sebenarnya boleh diterjemahkan ke dalam bahasa Malaysia dengan dua cara. Nyatakan yang mana ayat tersebut dan berikan terjemahan alternatifnya.

(b) Terjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia:

18. **ipapaykiat**
19. **antjkrankrarm**
20. **tapuyat**

(c) Terjemahkan ke dalam Yimas:

21. *Dia telah hampir pergi.*
22. *Kami berdua belum membunuh dia.*
23. *Mereka semua belum membeli kami berdua.*
24. *Kamu berdua telah hampir membunuh mereka semua.*
25. *Mereka berdua telah memotong kamu semua.*

△ Yimas adalah dari keluarga Sepik Hilir. Ia dituturkan oleh kira-kira 300 orang di kampung Yimas dalam Papua New Guinea.

**ŋ** = ng dalam *ngarai*, **w** = w dalam *waktu*, **y** = y dalam *yakin*.

**Soalan 2 (20 markah).** Berikut ialah beberapa perkataan dan frasa dalam bahasa Ktunaxa dan terjemahan bahasa Malaysianya dalam susunan rambang:

- |                            |                                 |
|----------------------------|---------------------------------|
| 1. <b>?a·k†u</b>           | a. <i>rusa ekor putih muda</i>  |
| 2. <b>?a·k†a†nnam</b>      | b. <i>tulang</i>                |
| 3. <b>?a·ki†miyit</b>      | c. <i>cuaca buruk</i>           |
| 4. <b>?a·ki†wi·nam</b>     | d. <i>salji</i>                 |
| 5. <b>?a·knuq†u†a†n</b>    | e. <i>ia marah lagi</i>         |
| 6. <b>?a·kwum</b>          | f. <i>Perut Kuat Kecil</i>      |
| 7. <b>?a·q†a</b>           | g. <i>hati seseorang</i>        |
| 8. <b>?a·qatnananam</b>    | h. <i>perut</i>                 |
| 9. <b>†makwumnana</b>      | i. <i>dalam</i> (kata nama)     |
| 10. <b>†a suki†miyitni</b> | j. <i>ia buta</i>               |
| 11. <b>†a sani†wi·ni</b>   | k. <i>Piegan</i>                |
| 12. <b>†it†i†ni</b>        | l. <i>Helang Amerika</i>        |
| 13. <b>kamnuq†uqatnana</b> | m. <i>ekor pendek seseorang</i> |
| 14. <b>mak</b>             | n. <i>ia cerah lagi</i>         |
| 15. <b>maknana</b>         | o. <i>kepala seseorang</i>      |
| 16. <b>sana†a</b>          | p. <i>token</i>                 |
| 17. <b>sani†miyit</b>      | q. <i>langit</i>                |

Anda boleh mengabaikan awalan **?a·k** dan varian-variannya **?a·** dan **?a·q·**. Walaupun fungsi awalan ini masih belum difahami, ia tidak menyumbang kepada maksud perkataan. Markah tidak akan ditolak bagi penggunaan atau peninggalan awalan **?a·**, **?a·k** dan **?a·q·**.

(!) Penjelasan tambahan lain selain jawapan adalah tidak diperlukan dan tidak akan ditanda.

(a) Tentukan padanan yang betul, mengetahui bahawa **†it†makqa·ni** bererti *ia lemah*.

(b) Apakah dua maksud **†a**?

(c) Terjemahkan secara harfiah ke dalam Bahasa Malaysia:

18. **?a·qatwum†a** *pakaian*

19. **†a†itu** *musim bunga*

(d) Terjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia:

20. **†itqatni**

21. **?a·ki†wi·nana**

(bersambung di halaman seterusnya)

(e) Terjemahkan ke dalam Ktunaxa:

22. *perut baik seseorang*

23. *mata*

△ Ktunaxa ialah bahasa pencilan asli Amerika yang dituturkan oleh kurang daripada 100 orang di Idaho dan Montana, Amerika Syarikat dan British Columbia, Canada.

**ʔ**, **ʦ**, **c**, **k** dan **m** ialah huruf-huruf konsonan. Tanda **·** memanjangkan vokal yang sebelumnya.

*Helang Amerika* ialah burung pemangsa asli yang besar dengan bulu putih di atas kepala dan bulu coklat di badannya. *Perut Kuat Kecil* ialah nama seseorang. *Piegan* ialah suku musuh yang memperoleh kuda pertamanya dari Ktunaxa sebelum hubungan antara keduanya memburuk. *Token* ialah alat permainan yang dibuat dari tulang, kayu atau batu dan digunakan dalam pelbagai permainan (papan).  
— Jerome Jochems

**Soalan 3 (20 markah).** Berikut ialah beberapa kata bilangan dalam bahasa Kobon dan nilainya. Beberapa nombor boleh diwakili dalam Kobon dengan dua cara berbeza, hanya satu daripadanya diberikan:

- 1 **wañig nibö**
- 4 **yigwo milö**
- 7 **mudun**
- 11 **agip**
- 17 **mudun böñ dañ**
- 18 **kagoł böñ dañ**
- 21 **yigwo añ nibö böñ dañ**
- 22 **ñinjuöl ado gi da yigwo**
- 25 **ñinjuöl ado gi da mamid**
- 46 **ñinjuöl mihöp ado gi da kagoł**
- 60 **ñinjuöl mihöp ado gi da yigwo milö böñ dañ**

(a) Tulis persamaan berikut menggunakan nombor:

**yigwo** × **ñinjuöl ado gi da kagoł böñ dañ** = **ñinjuöl mihau nigan ado gi da raleb böñ dañ**

(b) Tulis dalam Kobon dalam semua cara yang mungkin: 8, 19, 23, 53, 61, 66.

△ Kobon adalah dari rumpun Madang dalam keluarga Trans-New Guinea. Ia dituturkan oleh kira-kira 10,000 orang di Papua New Guinea.  
— Vlad A. Neacșu, Michał Boroń

**Soalan 4 (20 markah).** Berikut ialah beberapa ayat dalam bahasa Inanwatan dan terjemahan bahasa Malaysiannya:

- |  |  |
|--|--|
| 1. <b>Idabe meqebi.</b><br><i>Helang bercakap.</i>   | 7. <b>Ato ewai buqaritawodawo.</b><br><i>Tikus ini milik penulis wanita.</i>             |
| 2. <b>Murowo nasabi.</b><br><i>Dia akan menangis di sungai.</i>  | 8. <b>Qibiro aga qido meriqaqabe.</b><br><i>Ibu kura-kura menggigit kami.</i>            |
| 3. <b>Qotoqoware nesabi.</b><br><i>Anak dia akan tidur.</i>  | 9. <b>Qeqake osoi buquuro meqaqabi.</b><br><i>Kakatua itu menggigit keladi.</i>          |
| 4. <b>Buquuro obosabe.</b><br><i>Dia akan memukul keladi.</i>  | 10. <b>Ewaidaga medo aga qide meseebi.</b><br><i>Ayah ular ini memotong dia.</i>         |
| 5. <b>Bidora meraqaqabi.</b><br><i>Dia menggigit saya untuk babi betina.</i>   | 11. <b>Uto aga qidera naqaqasabi.</b><br><i>Dia akan menggigit saya untuk ayah ikan.</i> |
| 6. <b>Maroqo moootebe.</b><br><i>Kakak dia menjadi sakit.</i>  | 12. <b>Peraqote aga maroqo merabe.</b><br><i>Kakak syaitan menangis.</i>                 |
| 13. <b>Naqido aga medo noosabe.</b><br><i>Ular ibu saya akan jatuh.</i>  |  |
| 14. <b>Idabe esai buqaritawo aga qotoqowaredaso.</b><br><i>Helang ini milik anak penulis wanita.</i>                   |  |
| 15. <b>Qido naqotoqoware aga meqarowo obosabe.</b><br><i>Ibu dia akan memukul dia dalam rumah anak saya.</i>           |  |
| 16. <b>Qeqake aga qotoqoware qido aga medora meriobobi.</b><br><i>Anak kakatua memukul kami untuk ular ibu dia.</i>    |  |
| 17. <b>Taragaro ewai owoidaga mesidao aga bide aga qidodawo.</b><br><i>Tasik ini milik ibu babi jantan wanita itu.</i> |  |

(a) Terjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia:

18. **Meqaro ewai naqidedawo.**
19. **Ato ewaidaga utora qesabe.**
20. **Niqido aga bide moobobi.**
21. **Idabe osoidaga peraqote aga meqarowo meroobi.**

Salah satu ayat mengandungi dua terjemahan. Berikan mereka berdua.

(b) Terjemahkan ke dalam Inanwatan:

22. *Babi betina tidur.*
23. *Syaitan itu akan memukul kita untuk anak perempuan kita.*
24. *Keladi itu milik abang dia.*
25. *Ayah lelaki ini memukul dia dalam sungai itu.*
26. *Kura-kura penulis lelaki memotong saya dalam tasik.*

△ Inanwatan adalah dari kumpulan South Bird's Head dalam keluarga Trans-New Guinea. Ia dituturkan oleh kira-kira 800 orang di Provinsi Papua Barat Daya, Indonesia.

*Kakatua* ialah sejenis burung. *Keladi* ialah tumbuhan.

— Kazune Sato

**Soalan 5 (20 markah).** Berikut ialah beberapa ayat dalam bahasa Kombai dan terjemahan bahasa Malaysiannya. Sebuah contoh diberikan dalam kurungan siku untuk menjelaskan konteks di mana ayat itu boleh digunakan:

1. **Khuro khemomofa na babamano.**  
*Kawan-kawan bapa saudara dia biasanya di dalam hutan [minum teh].*
2. **Nare leikhe?**  
*Adakah ayah saya di sana [tidur di katilnya]?*
3. **Dodo nalana gwari lei.**  
*Ular isteri saya di dalam pokok [berehat di dahan].*
4. **Areya la leikhe?**  
*Adakah isteri ayah di sana [sakit di hospital]?*
5. **Elo khuro namomo leno.**  
*Bapa-bapa saudara saya di dalam hutan burung [memburu babi].*
6. **Khemakhü lekhe?**  
*Adakah anjing dia di sana [menyalak pada pokok]?*
7. **A dodofa gwari leino.**  
*Ular-ular pokok di dalam rumah [merangkak-rangkak].*
8. **Afa makhü lenokho?**  
*Adakah anjing-anjing rumah di sana [berdiri di gerbang]?*
9. **O khenareye e bakha?**  
*Adakah burung ayah dia di dalam air [mandi sendiri]?*
10. **A khalakha amiya lei.**  
*Cacing keladi di dalam rumah [di atas lantai].*
11. **Namiyaye edolo nane banokho?**  
*Adakah burung-burung saya pada buah cacing saya [duduk di atasnya dan mematuknya]?*
12. **Dodo nanaya a le.**  
*Rumah kawan saya di dalam pokok.*
13. **Namiyo leileima.**  
*Anak saya biasanya di sana [dalam katilnya].*
14. **Khela yarimo naramu lei.**  
*Timun saya di dalam taman burung dia [di atas meja].*
15. **Dodofa a la babamakha?**  
*Adakah isteri biasanya di dalam rumah pokok [menganyaman bakul di atas lantai]?*

(a) Terjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia:

16. **Okha yarimo miyo bano.**
17. **Nano khelana amiya leileimakha?**

(b) Terjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia dan berikan contoh konteks seperti yang dalam ayat-ayat di atas:

18. **Nadodo miyo lelema.**
19. **Nala babamakha?**

(bersambung di halaman seterusnya)

(c) Terjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia dalam semua cara yang mungkin:

20. **Khekhuro khena leno.**

(d) Terjemahkan ke dalam Kombai:

21. *Cacing-cacing dia pada buah dia.*

22. *Adakah pokok ayah di sana [berdiri]?*

23. *Rumah-rumah saya di dalam hutan kawan.*

24. *Adakah anjing saya biasanya di dalam hutan [berlari-lari]?*

△ Kombai adalah dari rumpun Awyu Raya dalam keluarga Trans-New Guinea. Ia dituturkan oleh kira-kira 6,000 orang di Provinsi Papua Selatan, Indonesia.

**kh**, **gw** dan **y** ialah huruf-huruf konsonan. **ü** disebut serupa dengan **i**, tetapi dengan bibir yang dibulatkan.

— Farhan Ishraq, Jerome Jochems (perunding: Lourens de Vries)

---

**Ketua Editor:**

- Vlad A. Neacșu

**Editor-editor:**

- Gustavo Baracat
- Hoju Cha
- Ethan Chi
- Shinjini Ghosh
- Jerome Jochems
- Minkyu Kim (editor teknikal)
- Tsuyoshi Kobayashi
- Tamila Krashtan
- Yuyang Liu
- Tung-Le Pan
- Kazune Sato
- Chih-Chun Wang
- Henry Wu
- Jaeyeong Yang

**Teks Bahasa Malaysia:**

- Khairul Anwar Mohamad Zaki
- Tung-Le Pan

**Rakan Kerjasama Luar:**

- Simi Hellsten

Selamat Menjawab!

# Olimpiad Linguistik Asia Pasifik Kelima

9 – 23 April 2023

Kaji Selidik

Nama: \_\_\_\_\_

Lokasi pertandingan: \_\_\_\_\_

Soalan-soalan manakah yang anda hantarkan jawapannya? ..... 

<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Soalan manakah yang anda paling suka? ..... 

<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Soalan manakah yang anda rasa paling susah? ..... 

<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Soalan manakah yang anda rasa paling senang? ..... 

<b>1</b>	<b>2</b>	<b>3</b>	<b>4</b>	<b>5</b>
<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

Pendapat atau cadangan lain tentang APLO:

---

---

---